

18 NOV 1999

MIC-Reaksi

PENGUMUMAN YANG MENGEJUTKAN BAGI CALON TERMUDA MIC

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Bagi calon muka baru S.A.Anbalagan, ia merupakan satu kejutan apabila beliau dimaklumkan akan pencalonannya bagi kerusi Parlimen Teluk Kemang di Negeri Sembilan.

Anbalagan, 37 merupakan calon termuda antara tujuh calon MIC bagi kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri yang diumumkan oleh presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

Anak kelahiran Klang dan lulusan Universiti Malaya itu merupakan penolong setiausaha MIC Selangor dan Ketua Bahagian Kuala Langat. Beliau telahpun mendirikan rumah tangga dan mempunyai seorang anak.

"Ini merupakan peluang bagi saya untuk berkhidmat kepada parti dengan cara yang lebih teratur. Saya berharap penduduk Teluk Kemang tidak akan melihat saya sebagai orang luar," kata beliau kepada BERNAMA.

Anbalagan yang kini menetap di Banting, Selangor berkata beliau akan berpindah ke kawasan pilihan rayanya dan membuka pusat perkhidmatan di situ.

Bagi Kamala Ganapathy, yang akan bertanding bagi kerusi DUN Kota Raja di Selangor, khidmat masyarakat dan kerja-kerja parti bukanlah sesuatu yang baru bagi beliau.

Seorang anggota MIC sejak 1986 dan Ketua Penerangan Kebangsaan Wanita MIC, beliau juga merupakan anggota Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

"Pemilihan calon-calon kali ini menunjukkan peranan wanita yang terus meningkat dalam parti itu. Saya terharu dan berterima kasih kepada presiden parti," kata beliau kepada BERNAMA.

Kamala, 51, yang merupakan wanita kedua dalam sejarah MIC untuk dicalonkan bagi kerusi negeri berkata, beliau akan berusaha gigih untuk memenuhi aspirasi pengundi dan parti.

Naib Presiden MIC Datuk G.Palanivel pula berterima kasih kepada Samy Vellu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberikannya peluang sekali lagi untuk bertanding bagi kerusi Parlimen Hulu Selangor.

"Saya akan berbuat apa sahaja bagi BN dan negara," kata beliau.

Calon tunggal wanita bagi Kerusi Parlimen ialah P.Komala Devi, 45, yang mempunyai latar belakang perundangan dan ekonomi, dan pernah berkhidmat dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) dan juga kini wakil MIC ke MAPEN II.

Komala berkata, beliau yakin akan dapat memenangi kerusi itu, yang secara tradisi adalah kubu kuat BN.

-- BERNAMA

RV PR